

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Thursday, April 20, 2017 10:04 AM
To: UUMstudentgroup; UUM - All Staff
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: KELAB PERAKAUNAN PUSAT PENGAJIAN PERAKAUNAN TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ (NOVAC-TISSA) DILANTIK SEBAGAI KONSULTAN KEWANGAN PERTUBUHAN ASUHAN DAN DIDIKAN ANAK-ANAK YATIM ISLAM DAERAH SIK (ADIK).



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

20 APRIL 2017 / 23 REJAB 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera





Pada 25 November 2016 NOVAC-TISSA telah menganjurkan lawatan dan program *Chilling Out Together 2.0* yang merupakan program khidmat masyarakat sehari di Rumah Gemilang, Sik. Kesenambungan daripada program tersebut, NOVAC-TISSA telah dilantik sebagai konsultan kewangan kepada Pertubuhan Asuhan Dan Didikan Anak-Anak Yatim Islam Daerah Sik (ADIK) di bawah program *Future Accounting Outreach*.

Buat masa ini, ADIK terdiri daripada 100 penghuni anak-anak yatim dan miskin dari daerah Sik dan Baling Kedah yang rata-rata dalam lingkungan umur 7-19 tahun.

Sebagai konsultan kewangan, NOVAC-TISSA akan membantu ADIK dari sudut penyediaan pelaporan kewangan, pengiraan kos perniagaan dan pengiraan implikasi pencukaian kepada perniagaan-perniagaan yang dijalankan oleh ADIK bagi menampung perbelanjaan harian mereka.

Program ini adalah sebahagian daripada sumbangan secara berterusan NOVAC-TISSA kepada masyarakat setempat. Program yang diberikan secara

percuma akan melibatkan 30 orang fasilitator pelajar yang akan bergilir-gilir ditempatkan di Rumah Gemilang, Sik pada hujung minggu sehingga program konsultansi ini selesai.

Para pelajar ini akan diselia oleh tiga orang pensyarah pembimbing iaitu Dr. Muhammad Rosni Bin Amir Hussin untuk bahagian pengkoston, Dr. Fathiyyah Abu Bakar untuk bahagian pelaporan kewangan dan Dr. Saliza Abdul Aziz untuk bahagian pengiraan implikasi pencukaian.

Program ini merupakan kerjasama Pusat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Perniagaan dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz.

Tamat

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610

✉ 04-928 6606

Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.